

15 JAN 1999

Mahathir - Politik

ISLAM TIDAK HARUS DIGUNAKAN UNTUK CARI POPULARITI POLITIK

ALOR SETAR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata agama Islam tidak harus digunakan sebagai satu cara oleh mana-mana pihak untuk mendapatkan populariti bagi kepentingan parti politik masing-masing.

Dr Mahathir Mohamad berkata Islam tidak boleh digunakan untuk menimbulkan kebencian di kalangan orang Islam terhadap orang Islam yang lain.

"Penggunaan isu Islam untuk menimbulkan kebencian kepada orang Islam lain amatlah dikesali sebaliknya kita patut guna agama untuk merapatkan hubungan sesama orang Islam," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah Kompleks Islam Al Bukhary, di sini.

Beliau berkata Islam bukanlah milik kumpulan tertentu tetapi ia adalah milik semua.

Ditanya tentang penubuhan lebih satu parti politik untuk orang Islam, beliau berkata tidak ada masalah mengadakan lebih dari satu parti di kalangan orang Islam.

"Perbezaan di antara parti hanyalah cara pendekatan membangunkan masyarakat. Itu saja perbezaan dan sebaliknya jangan ada perbezaan dari segi amalan dan tafsiran kerana ia merosakkan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan umat Islam negara ini yang hidup bersatu padu dengan penduduk berbilang agama boleh dijadikan contoh kepada negara lain.

"Banyak pihak yang memberi pendapat mengenai keadaan di Malaysia yang boleh dijadikan contoh di mana satu masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam aman dan maju.

"Walaupun orang Islam adalah majoriti di dalam negara ini dan mempunyai kekuatan politik, penduduk bukan Islam tidak tertindas," katanya.

-- BERNAMA

MZM SA MAI